

Kampung Air Nelayan Tradisional Di Muara Sungai Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia: Satu Tinjauan

Mohammad Raduan bin Mohd Ariff

Pengenalan

Artikel ini memaparkan penemuan hasil penyelidikan kerja lapangan di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia yang telah dilakukan pada bulan Mei dan Jun 1998. Kajian telah dijalankan di beberapa buah kampung air di muara Sungai Kapuas, antaranya termasuklah Kampung Sepak Laut, Kampung Selubuk, Kampung Pantai Banjai, dan Kampung Sungai Kakap. Penyelidikan tersebut merupakan sebahagian daripada rangka penyelidikan yang lebih menyeluruh di bawah tajuk "Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan". Kajian ini ditaja oleh Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. Perlu dijelaskan, penulisan ini sepenuhnya berdasarkan kepada pemerhatian dan hasil temubual pengkaji dengan penduduk setempat.

Petempatan kampung air yang dikaji dan dibincangkan dalam tulisan ini, diketogerikan sebagai 'kampung nelayan' disebabkan hampir keseluruhan penduduknya terlibat dalam usaha menangkap ikan. Petempatan tersebut didapati terbina dalam keadaan bertompok-tompok di pulau-pulau kecil menghala ke arah masuk muara sungai. Semua petempatan berada di kawasan terlindung, dengan kata lain tidak benar-benar menghadap ke laut lepas. Selain daripada itu kampung-kampung nelayan juga didapati secara terpisah-pisah berjajar sepanjang berhampiran muara sungai di bahagian liku-liku yang terlindung. Saiz kampung adalah kecil, secara purata setiap satu sekitar 20 hingga 50 buah rumah sahaja.

Rekabentuk, Bahan Binaan dan Saiz Rumah

Rumah-rumah di kampung ini diperbuat daripada bahan-bahan yang boleh didapati daripada kawasan sekitar. Asas rumah seperti tiang, rangka rumah dan tangga diperbuat daripada kayu bulat yang diperolehi daripada hutan terdekat. Dinding dan atap terbina daripada anyaman daun nipah. Lantai terdiri daripada kayu bulat atau buluh yang dibelah dua. Tiang rumah sentiasa berada di dalam air semasa air pasang dan semasa air surut. Ketika air pasang lantai rumah berada kira-kira satu meter dari permukaan air dan keadaannya lebih jauh lagi ketika air surut.

Semua rumah yang didirikan, bahagian hadapannya menghadap ke arah sungai atau ke arah laut, dan bahagian belakangnya menghadap ke arah tebing

atau pedalaman. Perkara yang dipentingkan oleh penduduk ialah ruang hadapan rumah mesti menghadap arah permulaan air pasang. Ini dikaitkan dengan kepercayaan, bahawa rezeki akan terus bertambah seperti bertambahnya air sungai ketika air pasang. Di atas kepercayaan yang sama, mereka selalu memulakan pelbagai kegiatan atau pekerjaan sewaktu air sungai mulai pasang.

Rekabentuk rumah di kampung-kampung nelayan tradisional adalah ringkas. Sebuah rumah hanya terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu rumah ibu dan dapur. Rumah ibu secara purata berukuran 5 meter X 8 meter. Rumah ibu tidak mempunyai bilik. Ruang rumah ibu merupakan ruang serbaguna di mana pada satu bahagian dijadikan sebagai tempat berehat. Satu bahagian dijadikan tempat menyimpan pakaian yang telah berlipat, bantal-bantal, selimut dan tikar. Di ruang tersebut tidak terdapat sebarang perabot.

Di dalam rumah biasanya akan dibuat ampaian, tempat menyidai pakaian dan pada masa yang sama dijadikan tirai untuk anak-anak gadis tidur atau bersalin pakaian. Di bawah atap rumah, khususnya yang bertentangan dengan tempat tidur akan dipasangkan lelangit, yang diperbuat daripada lebihan dan perca-perca kain. Lelangit dipasang bagi mengelakkan penghuni rumah daripada mata termasuk habuk ketika berbaring. Selain daripada itu ia juga bertujuan untuk mengelakkan daripada terkena perbuatan sihir atau ilmu hitam.

Lantai rumah biasanya dihamparkan dengan tikar mengkuang atau tikar pandan. Pada siang hari di tikar ini penghuninya berehat dan pada malam hari dijadikan tempat tidur. Di dinding rumah akan terdapat beberapa batang paku yang berfungsi sebagai tempat penyangkut baju dan juga tempat menyangkut lampu pelita minyak tanah.

Belakang rumah ibu, akan disambungkan dengan dapur. Dapur ruangnya seluas setengah daripada keluasan rumah ibu. Bumbung dapur pula rendah sedikit daripada bumbung rumah ibu, dan tidak dilengkapi dengan lelangit. Satu pertiga daripada ruang dapur digunakan untuk menempatkan dapur kayu. Dapur kayu terbina daripada sebuah pangkin setinggi tiga kaki, yang di atasnya disalutkan dengan lapisan tanah liat setebal lebih kurang 10 sentimeter. Kemudian beberapa pasang tungku diletakkan di atas tanah liat tersebut. Kaum wanita akan memasak makanan mereka di dalam kualiti atau periok yang diletak di atas tungku-tungku tersebut. Di bawah dapur ini akan disusun kayu-kayu api kering yang telah siap dibelah.

Berhampiran dengan dapur tersebut akan terdapat beberapa buah tempayan. Satu daripada tempayan tersebut digunakan untuk mengisi beras, sementara yang lain digunakan untuk mengisi air minuman. Dinding berhampiran dapur, satu bahagian daripadanya digunakan untuk menyimpan pinggan-mangkuk, senduk, pisau, parang, kukur kelapa dan lain-lain. Berhampiran dengan tempat pinggan mangkuk ini akan digantungkan beberapa buah raga untuk menempatkan gula, kopi, garam, ikan masin, ikan kering, bawang dan lain-lain.

Sebahagian daripada lantai dapur akan digunakan sebagai ruang makan. Makanan setelah dimasak akan dihidangkan di atas lantai dan kemudiannya ditutup dengan tudung saji atau diistilahkan juga sebagai 'santai'. Setelah selesai makan, ruang tersebut akan dibersihkan. Ruang tersebut akan disapu dengan penyapu lidi. Sisa-sisa makanan dan sampah-sampah yang lain akan jatuh terus ke dalam air.

Bersambungan dengan dapur, arah ke tebing sungai terbina jemuran. Jemuran merupakan lantai empat persegi bujur yang dibina daripada belahan kayu atau buluh yang tidak diberi bumbung. Di tempat ini dibina ampaian untuk menyidai pakaian yang telah dibasuh, dan kain basahan setelah mandi. Bagaimanapun tempat ini lebih dipentingkan untuk menjemur ikan masin, ikan kering, 'tahi' dan belacan.

Di hadapan rumah ibu dibina pelantar. Pelantar rupanya hampir sama dengan jemuran, tetapi ianya dibubuh bumbung yang diperbuat daripada atap nipah. Pelantar ini digunakan oleh kaum nelayan selain daripada sebagai tempat berehat, ia digunakan sebagai tempat membaiki peralatan perikanan seperti rambat, pukut, rawai dan lain-lain. Di antara dua tiang pelantar dipasang palang. Palang tersebut digunakan untuk menyidai jala atau pukut.

Sebilangan rumah didapati, sangkar-sangkar burung bergantung di palang tersebut atau di bahagian bawah atap pelantar rumah itu. Pemelihara burung mempercayai burung-burung yang dipelihara dapat membawa tuah. Selain daripada itu burung juga dipercayai dapat memberi isyarat atau alamat tidak baik kepada tuannya. Burung yang banyak dipelihara, antaranya ialah terkukur, merbah, murai, tiong, kakak tua dan serindit.

Kanak-kanak menjadikan pelantar sebagai tempat bermain, sementara kaum wanita menjadikannya sebagai tempat berkumpul dalam mengerjakan kerja-kerja menganyam bakul, tudung, tikar dan lain-lain ketika waktu lapang. Daripada pelantar ini akan dibina titian selebar tiga hingga empat kaki yang akan menghubungkan rumah itu dengan rumah-rumah yang lain di kampung tersebut.

Bersambungan dengan pelantar akan diikatkan beberapa batang kayu balak atau beberapa ikatan buluh, yang akan kelihatan seperti sebuah rakit. Rakit ini akan turun dan naik mengikut keadaan pasang surut air. Rakit ini dijadikan oleh keluarga nelayan sebagai tempat mandi. Satu bahagian hujung rakit ini dijadikan oleh kaum wanita sebagai tempat membasuh kain. Sementara satu bahagian hujung lagi akan dibina tandas ringkas yang terdiri daripada kepungan beratap yang dibina daripada anyaman nipah. Kayu yang menjadi penambat rakit, akan juga digunakan untuk menambat perahu-perahu nelayan.

Rumah ibu, dapur, jemuran, pelantar, tandas dan titian semuanya dibina oleh kaum nelayan secara bergotong-royong dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh diperolehi daripada kawasan sekitar. Kerja-kerja gotong-royong dijalankan dari peringkat mencari bahan di hutan hinggalah siap kerja-kerja pembinaan. Dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan tersebut, bomoh atau pawang sentiasa dikedepankan.

Waktu mula dan akhir kerja, dan patang-larang semasa bekerja semuanya diingatkan dan diawasi oleh bomoh atau pawang. Bomoh melarang sama sekali bekerja sewaktu hujan panas dan ketika adanya pelangi. Bekerja sewaktu hujan panas, dikuatiri akan ada di antara mereka yang mendapat kecederaan berdarah sehingga membawa maut. Untuk mengelakkan daripada sebarang musibah, ketika hujan panas setiap penduduk yang ada di situ perlu menyelitkan daun di celah telinga mereka. Sewaktu adanya pelangi, dipercayai masa itu turunnya orang halus atau orang bunian ke bumi. Bekerja di waktu itu, dikhuatiri akan mengganggu atau mencederakan orang halus atau orang-orang bunian. Sekiranya ini terjadi dikhuatiri orang bunian akan bertindak menghilangkan salah seorang daripada penduduk kampung tersebut.

Semasa kaum lelaki menjalankan kerja-kerja pembinaan, kaum wanita akan bergotong-royong menyediakan makanan dan minuman. Jamuan makan biasanya akan dimula dan diakhiri dengan majlis membaca doa selamat, yang akan dilakukan oleh Imam surau atau wakilnya. Majlis doa selamat yang diikuti dengan jamuan makan malam, akan diadakan di rumah baru sebaik sahaja penghuninya mula tinggal di rumah tersebut.

Keseluruhan kampung nelayan tradisional tidak mempunyai bekalan elektrik dan tidak juga mempunyai bekalan air paip. Pada waktu malam kaum nelayan menggunakan lampu minyak tanah untuk menerangi rumah mereka. Lampu minyak tanah juga digunakan semasa menjalankan operasi menangkap ikan di waktu malam gelap. Bekalan air minum diperolehi daripada perigi-perigi yang digali oleh penduduk kampung di daratan, air anak sungai dari lereng-lereng bukit dan juga dari sumber air mata air. Tugas mendapatkan bekalan air ini biasanya dilakukan oleh anak-anak nelayan.

Aktiviti Ekonomi Dan Kegiatan Harian Penduduk

Di kampung air setiap ahli keluarga mempunyai tugas masing-masing. Mereka menjalankan kegiatan harian dengan kawan-kawan sebaya. Kanak-kanak akan menjalankan kegiatan bersama kanak-kanak, sementara kaum ibu dengan kumpulan mereka. Ikatan kekeluargaan dan sahabat sekampung masih akrab dan kukuh. Banyak perkara yang dilakukan bersama seperti kata perpatah, "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing". Hidup mereka seolah-olah seperti aur dengan tebing.

Aktiviti Harian Kanak-kanak

Anak-anak nelayan sejak kecil lagi telah dilatih untuk memikul tanggungjawab dan menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh kedua ibu bapa mereka. Keseragaman tugas mendorong mereka menjalankan aktiviti secara berkumpulan. Latihan dan kemahiran diperolehi daripada kepakaran kumpulan.

Ini membuatkan mereka cepat dewasa, mudah menyesuaikan diri dengan alam persekitaran dan mampu menanggung tekanan hidup yang mencabar.

Anak-anak nelayan bersama kawan-kawan mereka, setiap petang akan berdayung ke hulu untuk mendapatkan bekalan air. Mereka akan membawa tempayan-tempayan kecil bersama gayung upeh untuk mengambil air. Selain daripada air, anak-anak nelayan ini juga ditugaskan untuk mencari kayu api. Mereka secara berkumpulan sambil membawa parang dan kapak, masuk ke hutan berhampiran mencari pokok-pokok kayu mati yang telah tumbang. Pokok kayu tersebut dipotong-potong mengikut anggaran panjang tertentu, dan kemudian dibelah-belah. Setelah itu belahan kayu tersebut diikat dan kemudian dimuatkan ke dalam perahu. Sesampai di rumah belahan kayu tersebut akan dijemur dijemuran, supaya ia menjadi lebih kering dan mudah dijadikan kayu api.

Kanak-kanak tersebut semasa mencari kayu api, akan turut mencari pakis dan ulam-ulaman yang boleh dimakan. Selain daripada itu mereka juga turut mencari cendawan yang tidak beracun yang tumbuh di batang-batang kayu. Pada musim-musim tertentu mereka akan mencari buah-buahan hutan yang boleh dimakan seperti sentul, keranji, salak, rambai dan lain-lain. Dalam pada itu terdapat kanak-kanak yang mengambil kesempatan ini untuk menjerat burung atau memerangkap binatang liar. Sekiranya perangkap mereka mengena, ia merupakan satu kejayaan besar dan apabila pulang nama dan kehebatan mereka akan disebut-sebut oleh penduduk kampung. Perlu dijelaskan di sini semua pekerjaan yang dijalankan di atas adalah secara sambilan sahaja dan tidak diusahakan secara serius.

Kerja mencari kayu api dilakukan sejak pagi hari sekitar jam 9.00 pagi. Mereka akan pulang semula ke rumah sekitar jam 4.00 petang. Oleh yang demikian pemergian mereka dibekalkan dengan makanan, iaitu nasi dan lauk sekadarnya. Tugas tersebut dapat dilakukan oleh kanak-kanak di kampung nelayan tradisional kerana mereka tidak pergi ke sekolah. Sekolah rendah atau sekolah menengah hanya terdapat di bandar, atau di kampung-kampung yang mempunyai ramai penduduk. Keadaan yang demikian menyebabkan kanak-kanak di kampung nelayan tradisional buta huruf.

Selain menjalankan kerja-kerja di atas, kanak-kanak di kampung air akan menggunakan masa lapang memancing ikan dari pelantar atau rakit rumah mereka. Mereka juga akan memasang bintor dan lukah di bawah rumah masing-masing. Hasil tangkapan seperti ikan, udang dan ketam akan diserahkan kepada ibu mereka untuk dijadikan lauk makanan keluarga.

Waktu yang paling digemari oleh kanak-kanak ialah ketika mandi di sungai. Kanak-kanak bersama-sama rakan mereka dalam keadaan bertelanjang bulat bagi mereka yang berumur kurang dari sembilan tahun, dan berseluar pendek bagi mereka yang sudah besar akan mandi-manda di sungai dengan seronoknya. Mereka bukan sahaja mandi tetapi main kejar-mengejar. Kanak-kanak akan berlari-larian di atas titian, rakit dan kadang kala hingga ke pelantar

rumah dan kemudian akan terjun ke dalam air dengan pelbagai gaya. Di air mereka akan berenang dan menyelam sambil mencabar kawan-kawan yang ada. Mandi dan bermain air di sungai yang dijelaskan di atas, adalah di antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Di antara mereka tidak ada atau kurang dirasakan perasaan perbezaan jantina.

Kanak-kanak tersebut setelah meningkat remaja, bagi lelaki akan membantu bapa mereka ke laut dan bagi perempuan akan membantu ibu mereka menjalankan kerja-kerja di dapur. Gadis atau anak perempuan tidak mempunyai masa remaja yang panjang, kerana mereka akan segera dikahwinkan sekiranya ada yang meminang. Daripada temubual yang dijalankan, didapati secara purata umur perkahwinan bagi gadis-gadis di kampung air adalah sekitar 15 tahun. Oleh yang demikian mereka perlu segera belajar mengendalikan rumah tangga daripada ibu mereka.

Aktiviti Harian Kaum Wanita

Kaum wanita di kampung air setiap hari melakukan kerja-kerja yang hampir sama. Setiap pagi setelah bangun dari tidur mereka akan menyediakan sarapan pagi terlebih dahulu sebelum pergi mandi. Sarapan biasanya terdiri daripada baki makanan semalam yang diperbahatkan semula. Lauk semalam dipanaskan semula dan dimakan dengan nasi sejuk. Selain daripada itu di hari yang lain, mereka akan membuat nasi goreng. Pokoknya menu utama sarapan pagi mesti ada nasi. Makanan sarapan pagi tersebut sebahagian daripadanya akan dibungkus di dalam upeh untuk dijadikan bekal kepada suami mereka yang akan turun ke laut, dan kepada anak-anak yang akan pergi mencari kayu api.

Selepas sarapan sekitar jam 8.30 pagi, kaum ibu bersama-sama anak perempuan mereka akan pergi ke rakit untuk membasuh pakaian dan mandi. Waktu merubasuh pakaian, agak sama di antara kaum wanita di kampung tersebut. Mereka biasanya akan berkumpul pada satu rakit dan membasuh pakaian bersama-sama. Sambil membasuh pakaian mereka akan berbual-bual dan berjenaka. Mereka pada masa itu, hanya berkemban dengan kain batik yang telah lusuh atau kain karong tepong yang disambung-sambung. Kain ini dipanggil sebagai kain basahan.

Setelah selesai membasuh, kain basuhan dimasukkan ke dalam bakul. Kemudian mereka akan mandi. Mereka mandi dua cara. Pertama, duduk di atas rakit sambil menimba air sungai, yang seterusnya menjiruskan air tersebut ke tubuh mereka. Kaedah ini dilakukan ketika air sungai mengalir deras, biasanya selepas hujan lebat di waktu malam. Kedua, terjun dan berenang di dalam sungai. Kaedah ini dilakukan sewaktu air tenang, khususnya ketika air mulai pasang di musim kemarau.

Sebelum mandi mereka akan menggosok gigi. Mereka menggosok gigi dengan menggunakan arang kayu yang telah ditumbuk, dan kemudian

menggunakan batu sungai kecil untuk meratakan gigi atau lebih dikenali sebagai 'mengasah gigi'. Mereka mandi dan membersihkan badan dengan menggunakan sabun basuh. Ketika mandi dan menggosok-gosok badan, bentuk tubuh mereka akan terlihat dengan jelas. Bagi kaum wanita yang telah berkahwin atau berumur mereka mendedahkan sahaja buah dada mereka semasa mandi. Mereka tidak berasa malu atau janggal, kerana telah mengenali antara satu sama lain sejak kecil lagi.

Kira-kira jam 10.00 pagi mereka akan naik ke rakit dan pulang ke rumah masing-masing. Sebelum masuk ke rumah mereka akan menjemur pakaian di jemuran. Setelah berpakaian dan berbedak mereka akan menjalankan tugas-tugas memasak di dapur. Bedak yang digunakan ialah bedak yang mereka buat sendiri daripada beras yang dicampur dengan ricikan daun pandan. Bedak ini dikenali sebagai bedak sejuk.

Kaum wanita memasak makanan pada waktu tengah hari dalam jumlah yang banyak. Mereka menanak nasi, memasak satu atau dua jenis lauk dan satu jenis sayur. Makanan ini akan diperhangatkan semula untuk makan malam dan bakinya diperhangatkan lagi keesokkan harinya untuk persediaan sarapan pagi. Mereka hanya akan masak semula di waktu petang atau malam, sekiranya nasi atau lauk yang dihidangkan pada siang hari kehabisan.

Di waktu petang, biasanya kaum wanita akan berkumpul di beberapa buah rumah di kampung tersebut untuk melakukan kerja-kerja anyaman. Wanita-wanita di kampung air hampir keseluruhan mereka pandai menganyam, seperti menganyam atap, bakul, tikar, tudung dan lain-lain. Ini disebabkan kerja-kerja penganyaman tersebut diusahakan secara bersama.

Setelah menetapkan hari tertentu, sekumpulan wanita dengan perahu masing-masing akan berdayung ke hulu sungai mencari bahan-bahan anyaman seperti daun pandan, mengkuang, atap, buluh, rotan dan sebagainya. Bahan-bahan tersebut mudah didapati di lokasi-lokasi tertentu di tebing-tebing sungai. Setelah mendapatinya mereka akan membawa pulang bahan-bahan tersebut dan kemudian membahagi-bahagikannya sama rata antara mereka. Bahan-bahan tersebut akan diproses mengikut yang sepatutnya. Setelah itu mereka akan pergi ke rumah salah seorang daripada mereka, dan melakukan kerja-kerja penganyaman.

Kerja-kerja menganyam biasanya dilakukan di beranda rumah. Sambil menganyam mereka berbual-bual dan menjamu selera. Ketika pergi menganyam, kaum wanita akan membawa anak-anak perempuan mereka bersama. Anak-anak ini selain membantu mereka akan diajari cara-cara menganyam. Oleh yang demikian setiap kaum wanita di kampung air telah pandai menganyam sejak remaja lagi. Usaha menganyam ini dijalankan secara sambilan sahaja, iaitu sekadar memenuhi masa lapang.

Oleh kerana orantasi kerja di atas tidak serius dan tidak pula melibatkan modal, maka hasil kerjatangan tersebut dijual dengan harga yang amat murah kepada pengusaha-pengusaha 'klotok' dan 'bandung' yang akan dibincangkan

kemudian. Sebagai bandingan sebuah tudung saji yang dianyam rapi hanya dijual dengan harga Rp1,600 (RM0.80) sebuah, dan tudung saji tersebut dijual di Kuching, Sarawak dengan harga RM16.00 sebuah dan di Kuala Lumpur dengan harga RM30.00. Hasil jualan digunakan untuk membeli keperluan dapur.

Nelayan dan Kegiatan Perikanan

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, keseluruhan ketua keluarga di kampung-kampung air di atas bekerja sebagai nelayan. Mereka merupakan nelayan pinggir pantai yang menjalankan operasi menangkap ikan di kawasan perairan berhampiran pantai dan di kawasan muara sungai. Mereka keluar ke laut pada waktu pagi dan balik pada waktu petang, atau keluar pada waktu petang dan balik pada waktu pagi. Dengan kata lain mereka merupakan nelayan pulang hari.

Mereka menjalankan kegiatan menangkap ikan setiap hari, kecuali hari Jumaat. Mereka tidak ke laut jika di dalam kampung berlaku kematian atau ada keluarga tertentu mengadakan majlis kenduri, seperti majlis perkahwinan, berkhatan dan sebagainya. Mereka juga tidak ke laut, di waktu kampung mengadakan kerja-kerja gotong-royong seperti membaiki titian, jeti, mendirikan rumah baru, membersihkan kubur dan lain-lain. Dalam setahun mereka tidak pergi ke laut selama lebih kurang tiga bulan, kerana musim tengkujuh yang biasanya berlaku dihujung dan awal tahun. Ketika tidak ke laut mereka menggunakan masa tersebut untuk membaiki perahu dan perkakas menangkap ikan.

Nelayan di kampung ini menggunakan perahu tidak berjentera. Perahu tersebut dibuat oleh penduduk kampung itu sendiri yang mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut. Perahu dibuat daripada batang kayu yang ditebang dari hutan berhampiran. Semasa membuat perahu beberapa pantang larang dan peraturan harus diikuti oleh pembuat dan bakal pemilik perahu. Umpamanya, pembuat perahu tidak boleh memotong tali selagi perahu belum siap dibina, perahu mesti ditepung tawar oleh pembuatnya sendiri, ketika hendak meluncurkan perahu buat kali pertama kain putih, merah, kuning dan hitam diikatkan di hadapan perahu.

Perahu paling baik diturunkan ke air pada hari Khamis, dan dilarang sama sekali menurunkannya pada hari Selasa dan Sabtu. Sementara itu bakal pemilik tidak dibenarkan cuba menaiki perahu semasa berada di darat. Semua pantang larang dan peraturan tersebut harus dipatuhi, supaya pemilik perahu murah rezeki dan selamat daripada segala bentuk bencana semasa di laut.

Boleh dikatakan hampir setiap rumah mempunyai perahu. Dalam pada itu terdapat beberapa keluarga mempunyai dua atau tiga buah perahu. Perahu yang ada, kebanyakannya tidak bercat, tidak seperti yang terdapat di tempat-

tempat lain di Pulau Borneo. Perahu yang ada berukuran di antara tiga hingga empat meter panjang. Di tengah-tengah perahu dibina beberapa petak, untuk meletakkan hasil tangkapan dan perkakas menangkap ikan. Perahu-perahu tersebut dikendalikan dengan menggunakan pengayuh oleh seorang atau dua orang nelayan. Boleh dikatakan keseluruhan penduduk kampung pandai berkayuh, kerana mereka telah didedahkan sejak kecil lagi.

Nelayan di kampung air di atas, menjalankan usaha menangkap ikan dengan menggunakan peralatan tradisional seperti bubu, lukah, serampang, belat, kelong, bintoh, kail, pancing, rawai, jala, pukut hanyut dan pukut tarik. Peralatan tersebut dibuat sendiri oleh kaum nelayan dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh diperolehi dari kawasan sekitar seperti buluh, rotan dan akar kayu, dan bahan-bahan yang didatangkan dari bandar Pontianak, seperti mata kail, benang, *stainless steel* dan tangsi. Peralatan menangkap ikan tersebut dibuat secara bersendirian seperti bubu, lukah, serampang dan bintoh, dan ada juga peralatan yang dibuat secara bersama atau bergotong-royong seperti belat, kelong dan pukut.

Usaha menangkap ikan yang dijalankan bersendirian atau bersama ahli keluarga. Di perkampungan air ini masih belum wujud buruh perikanan, yang menerima upah sebagai ganjaran perkhidmatan mereka. Nelayan selalunya pergi ke laut bersama anak-anak mereka. Kemahiran menangkap ikan, mememudikan perahu dan pantang larang semasa di laut diturunkan dari satu generasi ke satu generasi melalui latihan kerja bersama. Kemahiran diperolehi melalui pengalaman.

Hasil tangkapan tidaklah begitu banyak sekitar tiga hingga lima kilogram sehari kerana masa operasi singkat dan peralatan yang digunakan adalah terbatas kemampuannya. Bagaimanapun perlu dijelaskan nelayan-nelayan ini menjalankan kegiatan perikanan secukup hidup atau sara diri sahaja. Mereka menangkap ikan sekadar yang diperlukan sahaja dan takut dikatakan tamak jika menangkap keterlaluan. Mereka percaya perbuatan tamak akan dimarahi dan menerima ancaman dari hantu laut. Hasil tangkapan tidak dijual, dengan yang demikian mereka tidak mengamalkan sistem pembahagian pendapatan. Bagi mereka yang bekerja secara bersama, hasil tangkapan dibahagi sama secara purata.

Nelayan sekiranya mendapat tangkapan yang banyak atau berlebihan akan memprosesnya menjadi ikan kering atau ikan masin. Kerja-kerja memproses ikan masin dan ikan kering dikendalikan oleh kaum wanita secara sambilan. Ikan masin dan ikan kering akan dijemur di pelantaran atau jemuran yang dibuat di belakang atau di sisi rumah mereka.

Ikan masin dan ikan kering ini menjadi makanan penting ketika musim tengkujuh, sewaktu kaum nelayan tidak dapat ke laut. Selain daripada itu sebahagian daripadanya akan dijual kepada pemborong atau peraih ikan masin yang datang pada waktu-waktu tertentu ke tempat mereka. Hasil jualan digunakan untuk membeli keperluan dapur seperti beras, garam, gula, kopi,

biskut, mancis, minyak kerosin, minyak masak dan juga tembakau.

Bagi nelayan yang menggunakan pukot, mereka biasanya mendapat hasil tangkapan dalam jumlah yang agak banyak. Sebahagian daripada tangkapan seperti ikan tamban, akan dijemur atau dipanggang di atas bara api hingga betul-betul kering dan rapuh. Di Negara Brunei Darussalam ikan ini dikenali sebagai 'takai'. Ikan tersebut juga diproses untuk dijadikan makanan semasa musim tengkujuh. Seperti ikan masin dan ikan kering, ikan ini juga dijual kepada pemborong dan peraih ikan yang datang ke tempat mereka.

'Klotok' dan 'Bandung'

Pemborong-pemborong ikan datang ke kampung air dengan menggunakan perahu besar, yang berbumbung dan berengin sangkut. Di Kalimantan, perahu tersebut dikenali sebagai 'klotok'. Perahu ini selalunya dikendalikan oleh dua orang. Seorang megemudikan perahu di belakang dan seorang lagi mengawasi perjalanan perahu di hadapan. Perahu besar tersebut semasa menuju ke kampung-kampung nelayan tradisional di atas akan membeli pelbagai barangan keperluan harian seperti beras, gula, garam, kopi, teh, tepung, sabun, minyak makan, minyak kerosin, ubat-ubatan, kain, pakaian dan lain-lain.

Barang-barang tersebut akan dijual kepada keluarga nelayan semasa pemborong membeli ikan masin, ikan kering dan 'takai' daripada mereka. Urusan jual beli akan dilakukan dari satu jeti ke satu jeti. Sebelum mereka sampai ke satu-satu jeti mereka akan membunyikan hon 'klotok' atau menderaskan bunyi engin perahu besar mereka. Selepas merapatkan perahu besar ke jeti, pemborong akan naik ke darat bersama dacing mereka.

Mereka akan menimbang ikan masin dan ikan kering yang ingin dijual. Selepas ditimbang mereka akan membayar harga kedua bahan tersebut kepada nelayan secara tunai. Perlu dijelaskan di sini harga ikan masin dan ikan kering ditetapkan oleh pemborong, bukannya oleh nelayan. Ikan masin dan ikan kering yang telah dibeli dinaikkan ke atas bumbung perahu besar tersebut.

Sebenarnya urusan menjual ikan masin dan ikan kering, hampir keseluruhannya dikendalikan oleh kaum wanita, kerana pada masa itu kaum lelaki masih berada di laut menjalankan operasi menangkap ikan. Setelah mendapat wang, kaum wanita akan naik ke 'klotok' dan memilih barang-barang yang diperlukan. Barang-barang tersebut kemudiannya dilonggokkan ke atas jeti. Salah seorang pemborong yang berada di jeti, akan mengira harga barang-barang tersebut. Wanita-wanita berkenaan akan membayar jumlah nilai barangan yang dinyatakan, sekiranya wang tidak mencukupi mereka dibenarkan berhutang. Pemborong akan mencatat jumlah hutang dalam sebuah buku kecil. Hutang akan dijelaskan sewaktu pemborong datang pada kafi yang seterusnya.

Urusan jual beli di atas bukan sahaja dilakukan dengan pemborong-pemborong yang datang dengan 'klotok', tetapi dilakukan juga dengan

pengusaha-pengusaha 'bandung'. 'Bandung' hanya terdapat di Sungai Kapuas. Ia merupakan dua buah kapal yang digandingkan. Kedua buah kapal tersebut dibubuh bumbung berbentuk 'A', berdinding, berpintu dan bertingkap. Ia kelihatan seperti dua buah rumah Melayu di atas dua buah kapal. Rumah tersebut kebanyakannya berwarna putih, dan di dinding hadapan rumah tersebut dituliskan nama pemilik, destinasi atau nama jolokan kepada 'bandung' berkenaan.

Salah satu daripada rumah tersebut digunakan sebagai tempat tinggal pemborong dan pekerja-pekerja 'bandung', biasanya di antara lapan hingga sepuluh orang. Selain daripada itu ia juga disewakan kepada penumpang-penumpang yang ingin turut belayar bersama 'bandung' tersebut. Penumpang akan dikenakan bayaran mengikut jarak dan budibicara pemilik 'bandung'. Bayaran yang dikenakan adalah termasuk perbelanjaan makan minum semasa dalam perjalanan.

Di rumah tersebut terdapat pangkin yang merangkap sebagai katil tempat tidur yang dilengkapi dengan bantal dan tikar pandan, ruang untuk makan dan berehat, dapur untuk masak dan di bahagian belakangnya terdapat kamar kecil merangkap sebagai tandas. Berhampiran dengan tandas tersebut terdapat pelantar untuk mandi. Beberapa gayung atau timba bertali disediakan di tempat mandi tersebut. Pemborong, pekerja dan penumpang akan mandi di situ dengan menimba air sungai. Tong-tong berisi air tawar untuk dijadikan air minuman diletakkan berhampiran pelantar tersebut.

Sebuah rumah lagi kelihatan seperti kedai runcit bergerak. Di rumah itu terdapat pelbagai barangan runcit dalam jumlah yang banyak. Barang-barang runcit ini akan dijual di petempatan-petempatan sepanjang Sungai Kapuas. Perjalanan 'bandung' dari muara mudik ke hulu Sungai Kapuas memakan masa lebih kurang dua minggu. Selain daripada membawa barang pemborong itu sendiri, 'bandung' juga mengambil upah membawa barang-barang peniaga lain yang ingin dihantar ke satu-satu destinasi.

Apabila 'bandung' sampai ke satu-satu lokasi ia berhenti agak lama, biasanya satu hari satu malam. Masa yang lama ini digunakan oleh pemborong untuk membeli barang-barang yang diperlukan daripada penduduk setempat, biasanya dalam jumlah yang banyak. Ini dapat dilakukan kerana 'bandung' datang ke lokasi yang sama setiap dua minggu. Antara barang yang dibeli ialah getah keping, hasil-hasil pertanian seperti pisang, ubi kayu, ubi keledak dan nenas, rotan, atap nipah, dan tidak terkecuali hasil perikanan seperti ikan masin, ikan kering, tahai, udang kering, agar-agar kering dan belacan.

Selain membeli, pemborong juga menggunakan masa berlabuh tersebut untuk menjualkan barang-barangnya kepada penduduk setempat. Penduduk kampung termasuk keluarga nelayan akan membeli dalam kuantiti yang sedikit, tetapi peniaga-peniaga kedai runcit dari kawasan pedalaman akan membeli dalam kuantiti yang banyak.

Dengan adanya perkhidmatan 'klotok' dan 'bandung' di atas, kaum

nelayan tidak perlu berulang-alik ke bandar Pontianak. Selain daripada itu dengan adanya perkhidmatan di atas, tidak menggalakkan pembukaan kedai runcit di kampung-kampung air tradisional. Satu perkara yang perlu ditegaskan, corak penggunaan dan citarasa penduduk adalah ditentukan oleh komoditi-komoditi yang dibawa oleh pengusaha-pengusaha 'klotok' dan pengusaha-pengusaha 'bandung'.

Kemudahan Sosial

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, di kampung air nelayan tradisional tidak terdapat sekolah. Dengan yang demikian hampir keseluruhan penduduk kampung adalah buta huruf. Di kampung air nelayan tradisional, hanya terdapat sebuah surau bagi setiap kampung. Di kampung yang lebih besar, iaitu yang melebihi 50 buah rumah terdapat sebuah masjid yang dibina di kawasan daratan. Semua surau dan masjid yang ada, dibina oleh penduduk kampung secara bergotong-royong.

Daripada pemerhatian didapati penduduk kampung air nelayan tradisional bukanlah pengamal agama Islam yang baik. Mereka walaupun mengaku sebagai penganut agama Islam, namun begitu tidak menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Penduduk kampung air hanya menunaikan solat Jumaat, solat sunat Aidil Fitri dan solat sunat Aidil Adha. Surau hanya didatangi oleh beberapa orang tertentu sahaja. Mereka yang datang adalah individu yang sama, iaitu Imam, Bilal, Siak dan tiga atau empat orang jemaah. Kumpulan ini selalu dijemput ke rumah-rumah nelayan untuk membaca doa selamat, tahlil dan doa arwah. Selain daripada itu kumpulan ini ditugaskan untuk mengkhatakan kanak-kanak, menikahkan pengantin dan mengendalikan urusan pengkebumian jenazah.

Di kampung-kampung air di atas tidak ada klinik, dispensari atau hospital. Penduduk sekiranya sakit akan memakan ubat-ubat keluaran negeri China yang dibeli daripada pengusaha 'klotok' dan 'bandung', seperti ubat 'cap kaki tiga', 'pil chi kit teck aun', 'serbuk beruang putih' dan lain-lain. Mereka juga membeli pelbagai jenis minyak gosok untuk digunakan ketika digigit serangga berbisa, sakit gigi, sakit perut, pening kepala, sengal-sengal tulang, terkena air panas dan sebagainya.

Bagaimanapun sekiranya mereka mengidap penyakit yang lebih teruk atau berpanjangan, mereka akan mendapatkan perkhidmatan bomoh atau pawang. Bomoh akan menilik pesakit terlebih dahulu untuk mengetahui punca penyakit, sebelum kerja-kerja merawat dijalankan. Selalunya punca penyakit akan dihubungkan dengan alam dan kuasa ghaib seperti dirasuk hantu, iblis, syaitan dan pelbagai jenis penunggu.

Setelah mengetahui punca penyakit, bomoh akan mengadakan satu upacara untuk berunding, merayu atau berlawan dengan kuasa-kuasa ghaib

tersebut. Untuk tujuan itu, keluarga pesakit diminta menyediakan beberapa barangan yang diperlukan. Barangan yang diminta oleh bomoh biasanya terdiri daripada makanan yang istimewa seperti ayam panggang, telur rebus dan pulut kuning. Selain daripada itu bomoh atau pawang juga minta disediakan pelbagai jenis bunga, kain pelbagai warna, limau, garam, jarum, kemenyan dan lain-lain.

Bomoh berusaha bersungguh-sungguh memulihkan penyakit yang ditanggung oleh pesakit. Untuk memujarabkan perubatan bomoh tersebut, pesakit semasa berubat dengannya dilarang makan makanan tertentu dan dimestikan mengikut pantang larang yang dijelaskan. Sekiranya pesakit melanggar pantang larang yang dinyatakan, penyakit akan lambat atau tidak mungkin sembuh. Sekiranya pesakit telah sembuh, penyakit yang sama mungkin akan berulang semula. Setelah pesakit berjaya disembuhkan, pesakit tersebut dikehendaki "mematikan ubat", bertujuan supaya penyakit yang dihadapi akan hilang selama-lamanya. Ubat yang diberikan oleh bomoh terdiri daripada bahan-bahan yang boleh didapati daripada kawasan persekitaran seperti sireh, limau, daun dan akar kayu, minyak daripada binatang yang dimasak dan lain-lain.

Bagaimanapun banyak penyakit yang tidak dapat diubat oleh bomoh atau pawang tersebut dan pesakit menemui ajalnya. Daripada temubual didapati kadar kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun adalah tinggi. Boleh dikatakan hampir setiap keluarga, mempunyai pengalaman kematian anak semasa kecil, terutama ketika berumur kurang daripada satu tahun. Kematian kanak-kanak tersebut dikaitkan dengan penyakit demam panas.

Daripada pemerhatian, didapati penduduk kampung air ramai yang mengalami penyakit kulit seperti kurap, panau, kudis, kutu air dan sebagainya. Bagi penduduk kampung air, keadaan tersebut tidak dianggap sebagai penyakit kerana ia tidak menyakitkan. Pesakit hanya merasa keadaan tidak selesa sahaja. Penyakit kulit berleluasa mungkin ada hubungannya dengan cara pemakanan penduduk kampung tersebut. Penduduk kampung air kurang makan sayur-sayuran berzat. Makanan utama mereka ialah nasi dan ikan.

Selain daripada kemudahan pelajaran dan kemudahan kesihatan, di kampung air juga tidak terdapat kemudahan-kemudahan sosial yang lain seperti balai raya, pusat rekreasi, dewan orang ramai, balai polis, pejabat pos dan lain-lain. Ini disebabkan kampung-kampung air tersebut masih belum mendapat perhatian pihak kerajaan.

Politik dan Pentadbiran

Kampung-kampung air yang dijelaskan di atas, walaupun mempunyai nama tetapi tidak mempunyai Ketua Kampung yang rasmi. Dengan kata lain kampung-kampung tersebut seolah-olah tidak termasuk dalam unit pentadbiran kerajaan tempatan. Ketua bagi sesebuah kampung hanyalah terdiri daripada orang tua yang dilantik oleh penduduk setempat. Orang tua tersebut biasanya mempunyai sedikit kelebihan atau keistimewaan berbanding penduduk kampung

yang lain. Ringkasnya, mereka serba sedikit mesti mempunyai ciri-ciri kepimpinan.

Orang tua yang terpilih biasanya merupakan mereka yang menjadi antara pengasas kepada kampung tersebut. Mempunyai ramai anak lelaki, baik budi pekerti, petah berkata-kata, bijak dalam bertindak, berani, sihat tubuh badan dan mempunyai keluarga yang aman. Semua sifat-sifat yang disenaraikan di atas diperlukan bagi seorang ketua, kerana beliau sentiasa melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh masyarakat kampung air.

Bilangan anak lelaki yang ramai diperlukan kerana Ketua Kampung mudah mempamerkan penglibatan keluarga mereka dalam aktiviti masyarakat. Selain daripada itu melalui perkahwinan, akan meletakkan keluarga lain iaitu keluarga besan sebagai pendokong Ketua Kampung. Sebagai ketua, beliau mesti mempunyai budi pekerti yang baik, yang dapat dijadikan contoh atau disegani oleh anak-anak buahnya. Selain daripada itu beliau mesti bijak dan petah berkata-kata, kerana dalam kebanyakan majlis beliau akan diminta memberi sepatah dua kata atau ucapan panjang lebar dan perlu menjawab segala soalan yang diajukan.

Dalam menyelesaikan kes pergaduhan di kalangan anak-anak buahnya atau antara anak buahnya dengan penduduk kampung lain, Ketua Kampung mesti berani, bijak bertindak, pandai berhujjah dan berkeupayaan memberi pandangan yang bernas. Ketua Kampung perlu bersabar, bertenang, yakin diri dan tidak boleh emosi. Sehubungan dengan itu beliau mestilah mempunyai keluarga yang aman damai. Sekiranya keluarga beliau berada dalam keadaan purak-puranda, bagaimana beliau mampu memberi keamanan, kedamaian dan menyelesaikan masalah orang lain.

Selain daripada Ketua Kampung terdapat beberapa tokoh lagi yang dapat dianggap sebagai pemimpin, antaranya termasuklah Imam surau dan bomoh atau pawang. Imam menjadi pemimpin dalam acara-acara yang melibatkan keagamaan seperti solat Jumaat, solat Aidil Fitri, solat Aidil Adha, berkhatan, nikah kahwin, pengkebumian jenazah dan lain-lain. Selain daripada itu beliau merupakan orang penting dalam mengepalai doa dalam majlis kenduri-kendara.

Bomoh pula memainkan peranannya dalam acara-acara tertentu seperti menepong tawar perahu dan peralatan menangkap ikan, menjampi serapah tapak, rumah dan titian yang baru dibina, menghalau hantu pelesit yang mengganggu pesakit, menjadi ketua dalam upacara-upacara menghalau hantu atau menjamu hantu di laut, dan lain-lain upacara yang berhubung dengan alam ghaib.

Selain daripada tokoh-tokoh di atas, bidan juga menjadi salah seorang daripada mereka yang dirujuk dan disegani oleh penduduk kampung. Banyak hal yang berhubung dengan sakit dan hantu syaitan, juga dirujuk kepada bidan. Bidan berperanan seolah-olah seperti bomoh wanita.

Tokoh-tokoh yang dijelaskan di atas, memainkan peranan di arena masing-masing. Dalam pada itu mereka saling bantu membantu dalam

menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Di kampung air, oleh kerana jawatan-jawatan tersebut tidak rasmi, maka tiada majlis atau upacara perlantikan yang jelas. Tidak ada juga tempoh memegang jawatan yang ditetapkan kepada seseorang pemimpin. Seseorang itu akan meneruskan perkhidmatannya selagi ia diperlukan dan dipercayai oleh penduduk kampung.

Kesimpulan

Kampung-kampung air di muara Sungai Kapuas merupakan kampung-kampung nelayan yang terpencil, jauh dari pusat ekonomi dan pentadbiran. Penduduk kampung tersebut menjalankan kegiatan ekonomi saradiri yang amat dipengaruhi oleh alam persekitaran. Mode pengeluaran seperti perahu dan perkakas menangkap ikan dibuat dan dimiliki oleh mereka sendiri. Banyak kerja yang dijalankan secara gotong-royong dan masih belum begitu jelas akan wujudnya pengkhususan dalam pekerjaan. Setakat ini masih belum terdapat buruh perikanan. Pengaruh golongan kapital masih belum terlihat di kampung-kampung nelayan di atas.

Komoditi keluaran kampung air dalam skala yang kecil yang terhasil daripada lebihan, didagangkan keluar oleh pengusaha 'klotok' dan 'bandung'. Pada masa yang sama pengusaha 'klotok' dan 'bandung' mengedarkan barangan atau pelbagai komoditi kilang kepada penduduk kampung air. Pengusaha-pengusaha 'klotok' dan 'bandung' di peringkat ini memainkan peranan sebagai *merchant capital*. Penawaran sistem kredit kepada penduduk kampung, merupakan langkah awal dalam pengawalan kuantiti dan mutu barangan keluaran di peringkat yang seterusnya.

Seperti yang telah dijelaskan, urusan menjual komoditi perikanan dan membeli barangan yang didagangkan oleh pengusaha 'klotok' dan 'bandung' dikendalikan oleh kaum wanita. Kaum nelayan hanya bertindak sebagai 'pengeluar' iaitu menjalankan operasi menangkap ikan, dan tugas pemasaran diserahkan kepada kaum wanita. Ini bermakna walaupun nelayan sebagai ketua keluarga tetapi ekonomi rumah tangga kaum nelayan adalah diurus dan dikuasai oleh kaum wanita.

Penduduk kampung air masih kuat terikat dengan hubungan kekeluargaan dan hubungan teman sekampung. Mereka bersifat sangat 'lokaliti'. Sebilangan besar daripada penduduk yang ditemubual, tidak pernah pergi ke bandar Pontianak dan bandar-bandar lain di Kalimantan Barat. Mereka hanya pergi ke kampung-kampung air terdekat. Dengan yang demikian mereka belum terdedah kepada unsur-unsur modenisasi dan urbanisasi.

Akibat daripada keadaan 'lokaliti' di atas, menyebabkan budaya tradisi masih menebal di kalangan penduduk kampung air. Mereka walaupun mengakui beragama Islam, namun begitu tuntutan Islam tidak dilaksanakan sepenuhnya. Mereka masih berpegang teguh kepada kepercayaan 'animisma' dan mencampuradukkan kepercayaan tersebut dengan akidah Islam.

Kampung-kampung air di atas akan terus berkeadaan sedemikian selagi belum ada campur tangan daripada pihak kerajaan. Kerajaan-kerajaan Asia Tenggara, tidak terkecuali Indonesia biasanya akan merobah dan meningkatkan taraf hidup sesuatu masyarakat melalui pendekatan modenisasi. Hingga kini kampung-kampung air di atas masih belum disogokkan dengan input-input modenisasi seperti jalan raya, bekalan letrik, bekalan air, sekolah dan lain-lain lagi. Semua input-input modenisasi tersebut tidak disuntikkan ke kampung-kampung air di atas, disebabkan sifat kampung-kampung air tersebut yang kecil, terpisah-pisah dan jauh dari pusat bandar adalah tidak ekonomik untuk melaksanakannya.